

**Soalan No:48**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

**TARIKH :** 23.10.2017

**SOALAN :**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kemudahan dan insentif yang disediakan oleh Kementerian kepada guru-guru dan kakitangan yang bertugas di pedalaman termasuk di Sabah dan Sarawak seperti kesusahan dan perpindahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan telah menyediakan pelbagai elauan dan kemudahan kepada guru dan kakitangan yang bertugas di sekolah pedalaman seperti berikut:

1. Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dengan kadar 10 peratus daripada gaji pokok.
2. Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) dengan kadar seperti berikut:
  - a. Sekolah Pedalaman 1 @ RM500 sebulan; atau
  - b. Sekolah Pedalaman 2 @ RM1,000 sebulan; atau
  - c. Sekolah Pedalaman 3 @ RM1,500 sebulan.

3. Elaun Balik Kampung berdasarkan tuntutan perjalanan sebenar dari tempat kediaman ke kampung asal.
4. Bayaran Insentif Tetap Perumahan (ITP) sepenuhnya sekiranya menduduki rumah yang tidak memenuhi kriteria rumah kerajaan. Keistimewaan ini adalah bagi menampung kekurangan kemudahan perumahan yang diberi.
5. Skim Perlindungan Ex-Gratia kepada pegawai yang mengalami kecacatan kekal atau kematian dalam perjalanan pergi atau balik dari tempat kediaman ke pekan berdekatan untuk mendapatkan perkhidmatan dan keperluan asas harian.

RJM02

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG**  
                          **[ALOR SETAR]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 [ISNIN]**  
**SOALAN : 49**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa berlaku kegagalan membangunkan Taman Sains Kedah di Alor Setar seperti dijanjikan oleh BN dalam manifesto PRU13 Kedah, dengan pengkhususan dalam bidang agrotek.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Sains Kedah adalah projek kelolaan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kedah yang bertujuan untuk mentransformasikan pembangunan sektor pertanian di negeri Kedah.

Dalam hubungan ini, perincian berkenaan status pelaksanaan projek Taman Sains Kedah adalah lebih wajar diajukan kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensi seperti Technology Park Malaysia, Bioeconomy Development Corporation dan National Institutes of Biotechnology Malaysia bersedia menyumbangkan kepakaran dan khidmat nasihat kepada UPEN Kedah bagi membangunkan Taman Sains di negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.